

29.5.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

DEMI KEPENTINGAN AIR: KATAKAN “TIDAK” KEPADA “PEMBUKAAN SEMULA” PEMBALAKAN DI ULU MUDA, KEDAH

- **Pembukaan semula konsesi pembalakan di Kedah mungkin akan menyebabkan lebih banyak aktiviti pembasmian hutan di Ulu Muda, kawasan tadahan air terpenting di wilayah Utara, pada masa akan datang.**
- **Hanya 16% daripada 160,000 hektar hutan hujan di Ulu Muda diklasifikasikan sebagai “hutan tadahan air”.**
- **Pembalakan di Ulu Muda akan membahayakan bekalan air untuk Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Seramai 4.2 juta rakyat di 3 negeri ini memerlukan air yang cukup setiap hari untuk memerangi Covid-19.**

PULAU PINANG, Jumaat, 29.5.2020: Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perlis dan Pulau Pinang, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan badan bukan kerajaan, serta 4.2 juta orang, petani dan semua perniagaan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang mesti mengatakan “TIDAK” kepada pembukaan semula konsesi pembalakan di Kedah.

Laporan berita baru-baru ini menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kedah yang baharu dilaporkan sedang mempertimbangkan untuk membuka semula konsesi pembalakan atau mengizinkan syarikat pembalakan menuai “hasil hutan” bagi mengelak pembayaran pampasan.

Dalam keadaan sekarang, ini adalah cadangan yang tidak bertanggungjawab dan tidak berpandangan jauh kerana ia berkemungkinan akan membawa kepada pembalakan di Ulu Muda, kawasan tadahan air terpenting bagi Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Ketiga-tiga negeri sangat bergantung pada air hujan yang “ditadah” di

160,000 hektar hutan hujan Ulu Muda. Kira-kira 70% air mentah Perlis dan 96% air mentah Kedah datangnya dari Ulu Muda. Sementara itu, di Pulau Pinang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mengabstrak lebih 80% air mentah yang diperlukan Pulau Pinang setiap hari dari Sungai Muda; dan kawasan tadahan air untuk Sungai Muda adalah Ulu Muda.

Klasifikasi hutan hujan Ulu Muda

Pada 4.11.2019, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), menyatakan di Parlimen bahawa hanya 10.2% (16,299 hektar atau ha) Ulu Muda telah diklasifikasikan sebagai “hutan tadahan air” manakala 6.9% (11.118 ha) telah diklasifikasikan sebagai “taman hutan negeri” di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984).

Klasifikasi selebihnya 132.583 ha (82.9%) Ulu Muda tidak diketahui atau tidak dinyatakan. Perlu dinyatakan bahawa Seksyen 10(1)(a) APN 1984 membolehkan untuk mengklasifikasi “hutan simpanan kekal” sebagai “hutan pengeluaran balak dengan hasil yang mampan”.

Oleh itu, sehingga 82.9% daripada Ulu Muda boleh dituai sebagai “hutan pengeluaran”.

Akibat yang tidak dapat dielakkan daripada “penuaian” Ulu Muda adalah krisis air di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Tanpa air mentah yang mencukupi dari Ulu Muda, perniagaan di ketiga-tiga negeri harus ditutup dan pesawah tidak akan dapat menanam di “Jelapang Padi Malaysia”. Yang paling penting, kehidupan harian 4.2 juta orang yang memerlukan bekalan air setiap hari akan terjejas.

Perubahan iklim dan kapasiti empangan

Terdapat 3 empangan di Kedah, di Sistem Air Muda, yang menyimpan air mentah dari Ulu Muda. Pada 26.5.2020, kapasiti empangan adalah seperti berikut:

Empangan Kedah	Kapasiti Efektif (%) pada 26.5.2020	Purata Kapasiti Efektif (%) pada tarikh sama bagi 2018 & 2019	% Penurunan
Muda	14.8	62.5	- 47.7
Beris	52.3	76.4	- 24.1
Pedu	37.7	78.5	- 40.8

Kapasiti empangan yang luar biasa rendah menggambarkan kesan perubahan iklim di Kedah. Ia berkemungkinan disebabkan jumlah hujan yang rendah daripada biasa di Ulu Muda dalam tempoh Jun 2019 hingga pertengahan April 2020. Harap maklum bahawa kapasiti empangan Kedah meningkat baru-baru ini disebabkan oleh operasi pembenihan awan, yang dilaksanakan oleh Pulau Pinang, di Sungai Muda dan empangan-empangan ini.

Dengan kekurangan hujan dan ketidaktentuan berikutan perubahan iklim, adalah tidak logik bagi Kerajaan Negeri Kedah untuk menyetujui dan menyokong pembasmian hutan yang akan menjejaskan peranan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air terpenting di Utara Malaysia.

Bekalan air dan perang melawan Covid-19

Buat masa ini, negeri-negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang dianggap sebagai “negeri hijau” dalam memerangi Covid-19. Selama 8 minggu, kebanyakan orang terpaksa tinggal di rumah dan mengamalkan kebersihan diri dengan baik untuk mengelakkan wabak itu.

Satu daripada perkhidmatan penting utama yang telah membantu ketiga-tiga negeri mencapai status “negeri hijau” adalah bekalan air. Malaysia berjaya melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana rakyat Malaysia mempunyai cukup air untuk minum, mandi, membersihkan, mencuci dan memasak di rumah.

Di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), penduduk dan perniagaan berusaha keras untuk pulih daripada kesan Covid-19 terhadap ekonomi. Setiap penduduk dan semua perniagaan bergantung kepada bekalan air.

Walau bagaimanapun, perjuangan menentang Covid-19 belum berakhir, dan tiada siapa yang tahu berapa lama akan diambil untuk memenangi

perjuangan ini. Apa yang kita tahu ialah kita mesti mempunyai bekalan air yang cukup untuk semua, demi perjuangan seterusnya.

Perkara terakhir yang kita perlukan sekarang adalah mempertaruhkan kelestarian bekalan air berterusan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Cadangan Kerajaan Negeri Kedah, untuk membuka kembali konsesi pembalakan atau membenarkan syarikat pembalakan menuai “hasil hutan” di Ulu Muda, harus dihentikan.

Risiko terlalu tinggi dan akibatnya mungkin agak teruk.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my